

15 APR 2002  
COMPOSITE-R&D/I  
COMPOSITE TECHNOLOGY PERUNTUK RM2 MLN BAGI R&D

Oleh: M. Sarawathy

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) - Composite Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM), sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia yang ditubuhkan pada bulan November 1990 bagi merintis penceburan Malaysia ke dalam industri aeroangkasa teknologi tinggi strategik dan komposit perindustrian, merancang untuk memberi tumpuan yang lebih mantap kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mempertingkatkan operasinya ke tahap pertumbuhan dan pembangunan yang lebih tinggi.

CTRM yang merupakan ilham yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah mengambil keputusan untuk membelanjakan sejumlah RM2 juta bagi tujuan R&D dalam belanjawan tahunan semasanya.

Pengerusinya yang baru dilantik, Tan Sri Dr Ahmad Zaharudin Idris berkata, syarikat itu merancang untuk melabur lima peratus daripada keseluruhan perolehannya dalam R&D untuk mempertingkatkan keupayaan kendaliannya melalui kerjasama dengan universiti dan institusi tempatan.

Katanya, walaupun jumlah itu (RM2 juta) mungkin tidak besar, ia akan membantu meningkatkan kedudukan R&D negara, katanya.

CTRM mahu memainkan peranan yang lebih besar dalam R&D dengan mempertingkatkan keupayaan reka bentuknya dan bersedia untuk melatih lebih ramai rakyat Malaysia dalam bidang teknologi aeroangkasa dan komposit," katanya kepada Bernama dalam satu wawancara di kilang pengeluaran utama CTRM di Batu Berendam, Melaka, baru-baru ini.

Dr Ahmad, yang juga merupakan Penasihat Sains kepada Perdana Menteri berkata bahawa dalam jangka panjang, CTRM akan menyumbang kepada perkembangan industri pembuatan Malaysia dan eksport barangan dan perkhidmatan negara ini.

Selain daripada pelaburan dalam R&D, ada lagi pelaburan-pelaburan strategik dan asas lain yang perlu terus dibuat dan disertai, seperti projek Airbus. Di bawah projek ini, CTRM dikehendaki mengeluarkan dan membekalkan panel kelengkapan bagi syarikat yang mengeluarkan pesawat terbang Airbus di Eropah, tambahannya.

Menurut beliau, pesawat ringan Lancair Columbia 300 yang dibina oleh syarikat itu baru-baru ini, dan telah diperakukan sepenuhnya oleh Federal Aviation Administration (FAA), Amerika Syarikat, akan digunakan bagi mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi tentang pentingnya penerbangan awam di Malaysia.

"Kami sedang mengkaji cara-cara untuk kami perbaiki prestasi syarikat-syarikat Malaysia melalui Lancair," katanya.

"Kami juga bersedia untuk membawa masuk beberapa teknologi baru dan kegiatan-kegiatan pembuatan di sini (Malaysia)," tegasnya.

Mengenai masa depan industri ini, katanya, CTRM berhasrat menjadi peserta global dalam sektor aeroangkasa dan mahu kekal berdaya saing.

Dr Ahmad menegaskan bahawa cabaran utama CTRM adalah keupayaan untuk mereka bentuk dan mengeluarkan produk serta mengadakan perkhidmatan mengikut standard ketat industri penerbangan.

CTRM mempunyai empat syarikat berkaitan, iaitu Excelnet Sdn Bhd (dikenal pasti sebagai pusat reka bentuk aeroangkasa terkemuka di rantau ini dan sebuah syarikat sekutu CTRM), Eagle Aircraft (M) Sdn Bhd (pembuat pesawat ringan seperti kenderaan peninjauan udara atau ARV `Eagle' - dikeluarkan di Malaysia dan dibina bagi kegunaan Angkatan Tentera Malaysia), Aero-Composites Technologies Sdn Bhd dan Lancair Company.

Sebanyak 90 peratus kepentingan dalam CTRM dimiliki oleh Kementerian

Kewangan dan 10 peratus oleh Petronas.

Sejak penubuhannya, CTRM telah beberapa kali mencipta sejarah termasuk pengeluaran pesawat Eagle 150B.

Pesawat Eagle yang diserahkan kepada Kementerian Pertahanan Malaysia minggu lalu telah dibina oleh CTRM dalam tempoh hanya tujuh bulan.

CTRM juga yakin bahawa ia akan memainkan peranan dalam mereka bentuk dan membina pesawat Airbus A380.

Airbus A380 dijadual memulakan perkhidmatan komersial awal tahun 2006.

Bagi tempoh lima tahun akan datang, CTRM mengunjurkan pertumbuhan tahunan sebanyak 15 hingga 20 peratus dengan tempahan yang diterimanya bernilai RM250 juta setakat akhir Januari tahun ini. -- BERNAMA

SM SEL KY OS